

30/04/1997

PrimeNet MIGHT mula operasi Jun

PRIMENET, homepage rasmi Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) yang bakal berfungsi sebagai pangkalan maklumat berkaitan teknologi untuk sektor perniagaan akan mula beroperasi sepenuhnya awal Jun depan.

Pelancaran homepage itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada makan tengah hari anjuran MIGHT di Carcosa Seri Negara, baru-baru ini, dengan disaksikan pengerusi bersama MIGHT, Tan Sri Tajudin Ramli yang mewakili industri dan Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, kerajaan.

PrimeNet adalah hasil gabungan tenaga pakar daripada pelbagai bidang khusus bagi memastikan pembangunan laman terbabit dilakukan secara profesional terdiri daripada Celcom Research and Development; Sapura Research Sdn Bhd, Digital Equipment (M) Sdn Bhd dan Paradigm Info System (M) Sdn Bhd.

Kandungannya terbahagi kepada dua komponen utama iaitu maklumat berkaitan kegiatan MIGHT dan maklumat teknologi bagi sektor perniagaan.

(END)